Publication: Berita Harian, pg 07 Date: 6 October 2021 Headline: Team SG given recognition in Parliament



"Perbezaan jumlah wang tunai itu tidak mencerminkan bagaimana pemerintah menghargai atlet para berbanding dengan atlet biasa. Di mata kami, mereka semua atlet Team Singapore, dan setiap atlet, biasa mahupun kurang upaya, mempunyai nilai mereka tersendiri, yang kami iktiraf dan hargai."

- Encik Edwin Tong, Menteri Budaya, Masyarakat dan Belia, semasa menjelaskan mengapa jumlah anugerah wang tunai bagi atlet biasa dan para berbeza.

## **Team SG diberi** penghormatan di Parlimen

## Jumlah anugerah wang tunai bagi atlet para akan ditambah

## NUR ADILAH MAHBOB adilaham@sph.com.sg

PARLIMEN semalam merai pencapaian atlet Team Singapore di Su-kan Olimpik dan Paralimpik Tokyo baru-baru ini, dalam satu usul yang dibentangkan Menteri Budaya, Masyarakat dan Belia Edwin Tong.

Dalam ucapannya, beliau turut mengumumkan bahawa usaha se-dang dijalankan untuk menambah anugerah wang tunai bagi atlet para dalam pertandingan utama.

Selain itu, sebuah Anugerah Presi-den bagi Pencapaian Memberi Inspirasi baru akan dibentuk, dengan atlet para Yip Pin Xiu, yang memenangi lima pingat emas dalam Sukan Paralimpik, bakal menjadi penerima

pertamanya. Encik Tong dalam ucapannya mengesahkan komitmen pemerintah un-tuk menyokong dan meningkatkan sukan di Singapura, serta menyokong warga Singapura menyertai su-kan di setiap peringkat – daripada

akar umbi hingga pencapaian tinggi. Beliau juga menyentuh tentang sokongan bagi sukan kurang upaya, dan isu jurang anugerah wang tunai bagi atlet biasa dan atlet para. Isu tersebut timbul setelah Cik

Yip memenangi dua pingat di Sukan Paralimpik di Tokyo dan menerima Semalam, Encik Tong menjelas-banding \$1 juta bagi setiap pingat emas Olimpik. Semalam, Encik Tong menjelas-

kan jumlah itu ditawarkan di bawah dua skim berbeza yang dikendali oleh dua pertubuhan

Program Anugerah Sukan Utama (MAP) bagi atlet biasa diurus Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), manakala Anugerah Penca-

RAIKAN PENCAPAIAN: Anggota Parlimen merai pencapaian Team Singapore di Parlimen semalam. (Dari kiri) Encik Pritam Singh, Cik Shirley Low, Cik Nur'Aini Mohamad Yasli, Encik Alvin Tan, Encik Edwin Tong, Encik Heng Swee Keat, Encik Heng Chee How, Encik Mu nmad Diroy Noordin, Cik Joan Poh, dan Cik Indranee Rajah. – Foto MCCY

paian Atlet (AAA) bagi atlet para di-urus Majlis Paralimpik Kebangsaan Singapura (SNPC). Nilai anugerah itu dikumpul dan ditentukan SNOC dan SNPC bersa-ma penaja mereka, dan berdasarkan ctarderd egir den bidean partandi

standard, saiz dan bidang pertandi-

"Perbezaan jumlah wang tunai itu tidak mencerminkan bagaimana pemerintah menghargai atlet para berbanding dengan atlet biasa.

"Di mata kami, mereka semua atlet Team Singapore, dan setiap atlet, biasa mahupun kurang upaya, mempunyai nilai mereka tersendiri, yang kami iktiraf dan hargai," ujarnya. Encik Tong berkata SNPC telah mengadakan perbincangan dengan

beberapa pihak untuk meningkat-kan anugerah wang tunai bagi atlet para dalam pertandingan utama.

"Saya ingin menambah, selain memberi tumpuan pada anugerah wang tunai bagi pingat yang diraih at-let kita, penting juga, jika tidak lebih penting, menyediakan sumber untuk

mengembangkan asas, dan memper-tingkat seluruh ekosistem sukan kurang upaya," ujar beliau. Ini termasuk memudahkan indi-vidu menyertai sukan tersebut, mem-

buka lebih banyak kemudahan dan program, meningkatkan rangka kerja bimbingan dan latihan, memperke-nal lebih banyak sukan kurang upaya, dan menyepadukan sukan ku-rang upaya dengan persatuan sukan nasional aliran utama. Mengenai Anugerah Presiden ba-gi Pencapaian Memberi Inspirasi ba-

ru itu, Encik Tong berkata Presiden Halimah Yacob telah mempersetujui saranan itu.

Anugerah itu akan mengiktiraf

warga Singapura yang telah meng-harungi cabaran peribadi dan men-jalani hidup yang memberi inspirasi. Ia akan diberi oleh Presiden kepa-da individu yang telah membuat pen-

da individu yang telah membuat pen-capaian dan sumbangan kepada ma-syarakat, dan mungkin tidak akan di-beri setiap tahun, kata Encik Tong. Seramai enam Anggota Parlimen tampil berucap untuk mengiktiraf pencapaian Cik Yip dan altet Team Singapore, yang beberapa anggota-nya, termasuk Cik Yip, hadir dalam Dewan semalam. Dalam ucapannya, Encik Seah

Dalam ucapannya, Encik Seah Kian Peng (GRC Marine Parade), yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NTUC Enterprise & NTUC FairPrice, berkata FairPrice akan terus menyokong atlet kurang upaya. FairPrice menyumbang lebih \$4.3 juta kepada pelbagai inisiatif su-kan sejak 2008, kata beliau.



CIK YIP PIN XIU: Bakal menjadi penerima pertama Anugerah Presiden bagi Pencapaian Memberi Inspirasi yang baru akan dibentuk.